

# Bahasa Pertiwi Pembentuk Tamadun Negara Bangsa


Tamadun ditakrifkan sebagai kebudayaan pada peringkat tertinggi oleh Awang Had Salleh, seperti yang dinyatakan oleh Awang Hassan Ahmad, dalam *Bahasa dan Pemikiran Melayu*, berpendapat bahawa sesuatu bangsa dikatakan bertamadun apabila bangsa tersebut maju, berbudaya tinggi, beradab, dan membina "kota" yang lengkap dengan segala institusi "kota" atau "negara", seperti institusi pemerintahan dan undang-undang.

Tamadun bermula dengan tertubuhnya "negeri" dan ada suatu bahasa yang mengatasi pelbagai ragam bahasa dan dialek yang berpuluh-puluh dan bahasa tersebut digunakan untuk menggubal undang-undang, menulis surat rasmi kerajaan dan mengembangkan ilmu. Berdasarkan pandangan tokoh dan sarjana bahasa, terbukti bahawa bangsa Melayu telah mencipta tamadun yang agung dan ulung pada abad ketujuh kerana pada abad itu, sudah ada

"negara bangsa" di Palembang. Negara bangsa itu dikenali sebagai kerajaan Melayu Srivijaya.

Catatan sejarah membuktikan bahawa tamadun yang dicipta oleh bangsa Melayu jauh lebih tua daripada tamadun orang Inggeris. Hal ini berdasarkan catatan yang ditemukan dalam rekod I' Tsing, I' Tsing atau I- Ching, mubaligh agama Buddha berbangsa Cina, dalam perjalanannya dari Canton (negeri China) ke India, julung kali singgah selama enam bulan di kota Palembang Srivijaya pada tahun 671. Daripada catatan I' Tsing, diketahui bahawa kerajaan Melayu Srivijaya telah wujud sejak abad ketujuh dan bahasa yang digunakan untuk belajar, mengajar, dan mempelajari falsafah agama Buddha pada era itu ialah bahasa "K'un-lun". Bahasa "K'un-lun" ini dikatakan sebagai bahasa Melayu kuno oleh para pengkaji bahasa, demikian menurut Hassan. Daripada catatan I' Tsing, ternyata bahawa bangsa Melayu telah memiliki pemerintahan dan bahasa sendiri seawal abad ketujuh.

Sebaliknya dari abad ketujuh hingga abad kesembilan, Inggeris belum ada negeri, kerajaan atau



Buku ini mengetengahkan kebijaksanaan yang terdapat dalam Sejarah Melayu.

DEP

Bahasa Melayu mampu untuk membentuk tamadun negara bangsa Malaysia.

bahasa sendiri. Bahasa Inggeris kuno, yang dikenali sebagai Old English, bukan bahasa Inggeris, tetapi bahasa Jermanik Barat yang digunakan oleh penduduk di kawasan yang dikenali sebagai England kini, kata Hassan lagi.

Menurut Russell Jones, bahasa yang digunakan dalam karya agung Inggeris yang pertama, yakni *The Canterbury Tales* oleh Geoffrey Chaucer, tidak difahami oleh bangsa Inggeris. Maka buku tersebut diterjemahkan oleh Nevill Coghill ke dalam bahasa Inggeris. Di samping itu, dalam karya *The Canterbury Tales*, turut ditemukan catatan tentang Rhazes yang merujuk Razi, doktor perubatan Islam yang masyhur, Averroes atau Ibn Rushed, doktor dan ahli falsafah Islam di Andalusia, dan Avicenna atau Ibu Sina, pakar perubatan dan ahli falsafah Islam yang masyhur, seperti yang dikatakan oleh Hassan. Daripada kenyataan Jones dan Chaucer, terbukti bahawa tamadun bangsa Melayu yang diasaskan oleh bahasa Melayu bermula lebih awal daripada tamadun bangsa Inggeris.

Bahasa Melayu telah menjadi bahasa pembina tamadun suprawilayah dan supraetnik di rantau ini selepas bahasa itu menjadi *lingua franca*. Menurut Robert Blust dalam tulisannya, "Malay Historical Linguistics: A Progress Report", bahasa Melayu digunakan apabila perdagangan antara China dengan India bermula di Selat Melaka sekitar 2000 tahun dahulu. Menurut Blust lagi, bahasa Melayu seolah-olah "ditakdirkan" untuk menjadi bahasa kebangsaan Malaysia dan Indonesia.

Kata S. Takdir Alisjahbana dalam tulisannya, "Language Policy, Language Engineering and Literacy in Indonesia and Malaysia", bahasa Melayu berkembang sebagai bahasa komunikasi luas atau *lingua franca* di rantau ini kerana bahasa itu mudah untuk dipelajari dan dikuasai. Di samping mudah untuk dipelajari dan dikuasai, faktor kedudukan geografi bahasa Melayu turut melonjakkan kedudukannya sebagai bahasa *lingua franca* kerana orang yang berbahasa Melayu kebanyakannya tinggal di kawasan

geografi yang strategik, yakni Selat Melaka, tempat laluan pedagang dan mubaligh dari India, Timur Tengah, China dan Eropah, seperti yang dinyatakan oleh Blust.

Sebaiknya pada zaman tersebut, England masih mundur dan bahasa Inggeris belum berkembang sebagai bahasa ilmu. Bahasa yang digunakan di Eropah dan England ketika itu ialah bahasa Latin. Menurut Hassan, Eropah dicelikkan oleh tamadun Islam dari zaman gelapnya pada abad ke-11 dan ke-12.

Pada abad ke-15 dan ke-16, bahasa Melayu telah tersebar ke Selat Melaka. Pelabuhan Melaka menjadi tempat pertemuan

**KITA BOLEH MENGEMBALIKAN KEGEMILANGAN YANG TELAH DIGAPAI OLEH BAHASA PERTIWI PADA SUATU KETIKA DAHULU JIKA DASAR BAHASA KEBANGSAAN KITA TEKAL DAN KEKAL DALAM SEMUA KEDUDUKAN DAN KEADAAN.**

pedagang dari India, Timur Tengah, China, Siam, Kemboja, Portugal, Belanda dan England. Menurut Zakaria Ali dalam *Islamic Art in Southeast Asia 830 A. D. - 1570 A. D.*, bahasa Melayu menjadi bahasa *lingua franca* meskipun 84 bahasa dituturkan oleh pedagang yang singgah di Melaka.

Keputusan dan kedudukan bahasa Melayu yang tinggi semasa zaman kerajaan Melayu Melaka diperaku oleh Valentyn. Valentyn, dalam tulisannya tentang Melaka pada awal abad ke-18, telah memberikan gambaran yang besar tentang kedudukan bahasa tersebut pada abad itu. Valentyn telah menyamakan kedudukan bahasa Melayu sebagai *lingua franca* di rantau ini dengan taraf bahasa Perancis atau bahasa Latin sebagai *lingua franca* di Eropah.


Menurut Valentyn, pada abad ke-17 atau ke-18, jika ada sesiapa di rantau ini yang tidak mengetahui bahasa Melayu dan tidak boleh berkomunikasi dalam bahasa itu, maka mereka dianggap sebagai tidak berpendidikan. Daripada kenyataan Valentyn itu, terbukti bahawa bahasa Melayu mendapat pengiktirafan dan penghormatan tertinggi daripada sarjana Barat.

**TAMADUN BERMULA DENGAN TERTUBUHNYA "NEGERI" DAN ADA SUATU BAHASA YANG MENGATASI PELBAGAI RAGAM BAHASA DAN DIALEK YANG BERPULUH-PULUH DAN BAHASA TERSEBUT DIGUNAKAN UNTUK MENGUBAL UNDANG-UNDANG, MENULIS SURAT RASMI KERAJAAN DAN MENGEMBANGKAN ILMU.**

Proses ketamadunan sesuatu bahasa juga ditentukan oleh kegiatan intelektual bahasa tersebut. Di dunia Melayu pada pertengahan kedua abad ke-14, telah lahir hikayat dalam bentuk manuskrip, iaitu *Hikayat Raja-raja Pasai*. Hikayat ini menceritakan kisah raja Melayu, Merah Silu, yang memeluk agama Islam dan menubuhkan kerajaan Melayu Islam Samudera-Pasai pada abad ke-13. Merah Silu bergelar Sultan Malikul Saleh dan mangkat pada tahun 1297, seperti yang disebut oleh Hassan. Menurut Teuku Iskandar pula, *Hikayat Raja-raja Pasai* dikarang pada tahun 1326 dan pengarang *Sulalat al-Salatin* telah menggunakan bahan daripada hikayat itu untuk menulis perihal Pasai dalam karyanya.

Sangidu, dalam *Wahdatul Wujud: Polemik Pemikiran Sufistik antara Hamzah Fansuri dan Syamsuddin al-Samatrani dengan Nuruddin ar-Raniri*, menyatakan bahawa warisan ilmu pengetahuan yang berkembang di Samudera-Pasai dilanjutkan dengan lebih giat di Aceh. Menurut Hassan, pada abad ke-17, berpuluh-puluh karya agung Melayu dihasilkan oleh Hamzah Fansuri, penyair agung tasawuf atau metafizik, anak muridnya Syamsuddin, Abdul Rauf Singkel dan Nuruddin. Nuruddin telah menghasilkan lebih daripada 28 buah karya. Sebahagian besar daripada kegiatan intelektual dan penulisan kitab ilmu di Aceh pada abad ke-17 dikarang dalam bahasa Melayu.

Di Melaka-Johor, lahir karya agung *Sulalat al-Salatin* oleh Tun Sri Lanang, *Taj al-Salatin* atau *Mahkota Raja-Raja* oleh Jauhari dan *Hikayat Hang Tuah*. Menurut Hassan, apabila dibandingkan kehebatan dan ketinggian akal



budi dan pemikiran Melayu dengan pemikir dan ahli falsafah Eropah pada abad yang sama, yakni abad ke-17, kehebatan Imam al-Ghazali telah mendahului Rene Descartes yang digelar sebagai Bapa Falsafah Moden di Eropah. Hubungan antara minda, roh dan otak, yang dibincangkan oleh Descartes dalam *The Meditations*, telah dibincangkan oleh Imam al-Ghazali dalam *Al-Munqid min al-Dalal* 600 tahun yang lalu. Pada pandangan Hassan, apabila dibandingkan fikiran materialistik Descartes dengan fikiran metafizik Hamzah tentang konsep wahdatul wujud, fikiran, atau ilmu, Hamzah lebih hebat dari segi kedalaman isi dan hujah metafizik.

Di samping berperanan sebagai bahasa persuratan, bahasa Melayu juga menjadi bahasa diplomasi pada abad ke-16 dan ke-17. Surat

oleh raja Melayu kepada raja dan pembesar Eropah ditulis dalam bahasa itu. Sultan Abu Hayat dari Ternate telah menulis dua pucuk surat dalam bahasa Melayu bertulis Jawi kepada raja Portugal, Paul III. Menurut Hassan, kedua-dua surat itu ditulis pada tahun 1521 dan 1522.

Dalam *Panorama Bahasa Melayu Sepanjang Zaman*, Nik Safiah Karim menyatakan bahawa beberapa salinan surat yang ditulis dalam bahasa Melayu pada abad ke-17 disimpan di perpustakaan London dan Leiden. Antaranya termasuklah surat izin pemiagaan yang diberikan oleh raja Aceh kepada Sir James Lancaster bertarikh 1601, surat daripada raja Aceh, Sultan Alaudin Shah, kepada pedagang Inggeris, Harry Middleton, yang ditulis pada tahun 1602, dan surat daripada sultan Aceh kepada raja Inggeris, James I, yang ditulis pada tahun 1612. Ketiga-tiga surat ini disimpan di Perpustakaan Bodleian, London.

Keindahan bahasa Melayu dalam surat tersebut diperaku oleh Annabel Teh Gallop dan E.U. Kratz. Menurut mereka, "surat-surat Melayu yang terindah menggabungkan segala-gala yang paling halus dalam kebudayaan, tamadun dan estetika Melayu. Ini dapat dilihat dalam keindahan hiasan, kecantikan seni khat, kecanggihan perasaan agama yang terkandung dalam kepala surat, kerapihan ukiran cap mohor serta keelokan dan kehalusan bahasa puji-pujian."

Daripada bukti yang dikemukakan, ternyata bahawa tamadun bangsa Melayu diasaskan oleh bahasa Melayu. Bahasa Melayu bukan sahaja menjadi bahasa *lingua franca*, bahasa pembina tamadun suprawilayah dan

supraetnik, bahasa ilmu, bahasa persuratan, bahasa pemikiran, bahasa falsafah, bahasa diplomasi dan bahasa pentadbiran, malah menjadi bahasa perpaduan yang menyatupadukan semua bangsa yang berkunjung ke Selat Melaka pada zaman silam.

Bahasa Melayu tersebar ke seluruh pelosok dan ceruk rantau bukan melalui paksaan, peperangan atau penjajahan, sebagaimana tersebar bahasa Portugis, bahasa Belanda, dan bahasa Inggeris ke kawasan lain. Bahasa Melayu tersebar melalui proses berfikir dan proses sosial, bukan melalui proses kuasa politik.

Proses ini bermula lebih daripada 1000 tahun dahulu, mendahului tamadun bangsa Inggeris. Para pemikir, ulama, dan pengarang Melayu yang mahir dalam bahasa Arab telah mempelajari tamadun Islam daripada sumber asalnya, yakni bahasa Arab, dan menyebarkan bahasa Melayu melalui bahasa Melayu untuk mencipta tamadun yang tinggi, kata Hassan.

Menurut Hassan lagi, tamadun Melayu dibina oleh orang Melayu yang berfikir dalam bahasa Melayu. Mereka menggunakan bahasa itu dengan baik, betul, dan indah walaupun mereka tidak mempelajari bahasa Melayu secara formal. Bangsa Melayu pada zaman dahulu tidak dipengaruhi oleh bahasa asing. Oleh sebab mereka berfikir dalam bahasa Melayu, maka akal mereka dapat ditajamkan, dijernihkan, dan dijadikan sebagai alat pembina tamadun yang tinggi.

Sejarah telah membuktikan bahawa tamadun bangsa Melayu dibina melalui perbincangan ilmu

**CATATAN SEJARAH MEMBUKTIKAN BAHAWA TAMADUN YANG DICIPTA OLEH BANGSA MELAYU JAUH LEBIH TUA DARIPADA TAMADUN ORANG INGGERIS.**

dan korpus wacana intelektual yang tinggi. Bahasa Melayu telah diiktiraf sebagai bahasa falsafah dan bahasa intelek apabila ilmu dan fikiran yang abstrak, metaforikal, dan konseptual dengan idea metafizik dan tasawuf yang kompleks dapat diketengahkan melalui karya filologi dan karya sufi.

Bahasa Melayu mendapat penghormatan dan pengiktirafan tertinggi pada zaman silam kerana bangsa Melayu berfikir dalam bahasa itu dengan penuh yakin. Mereka tidak terpengaruh dengan bahasa asing meskipun 84 bahasa dituturkan oleh pedagang dan mubaligh yang singgah di Selat Melaka. Keyakinan tinggi yang disandarkan pada keupayaan dan kemampuan bahasa Melayu menyebabkan bahasa itu mendahului ribuan bahasa lain sebagai bahasa supranasional yang melangkaui sempadan bahasa, bangsa dan negara.

Kini kita memerlukan keyakinan dan semangat yang sama daripada warga Malaysia agar bahasa pertwi kita "duduk sama rendah, berdiri sama tinggi" dengan bahasa utama dunia. Kita boleh mengembalikan kegemilangan yang telah digapai oleh bahasa pertwi pada suatu ketika dahulu jika dasar bahasa kebangsaan kita tekal dan kekal dalam semua kedudukan dan keadaan. ■■